

di dalam perkara mentaati Allah – kemudian kamu pun membayar niat itu dengan menunaikannya, sesungguhnya Allah mengetahuinya. Yakni apa yang kamu belanjakan dan nazarkan itu semuanya diketahui Allah dengan memberi pahalanya. Dan tiadalah bagi orang-orang yang aniaya itu mendapat penolong. Yakni: orang-orang yang aniaya disini ialah orang yang bersedekah bukan pada tempatnya, atau bersedekah kerana riyak (menunjuk-nunjuk) atau bersedekah dengan harta yang haram, atau bernazar seperti yang ditimbulkan dalam pertanyaan di atas tadi, mereka ini tidak dapat ditolong untuk menolak seksa Allah.

Ayat ini adalah merupakan amaran yang keras kepada orang-orang yang aniaya. Dan bolehlah dihukumkan perbuatan bernazar memberikan kambing kepada Tok Keramat dengan harapan supaya Tok Keramat itu jangan menganggunya lagi – yang seolah-olahnya mengiktikadkan Tok Keramat itu berkuasa mendatangkan manfaat dan mudarat – dianya suatu perbuatan syirik, yang menganiayakan diri sendiri, kerana tidak dapat diampunkn dosanya oleh Allah melainkan dengan bertaubat. Jadi hukum orang yang bernazar demikian dikira sebagai syirik, maka hendaklah bertaubat dengan menyesali perbuatannya itu dan berjanji tidak akan mengulangi lagi.

Ada pun tentang Tok Haji yang menyembelih kambing itu dengan mengucap “*Bismi Allāh*” atasnya, dia mendapat pahala kerana menyelamatkan kambing itu daripada mati menjadi bangkai – jika ditakdirkan penyembelihannya atas nama Tok Keramat. Bermakna jika penyembelihan itu dilakukan secara syarak iaitu yang menyembelihnya orang Islam, disembelih dengan senjata yang tajam, putus halkumnya (jalan nafasnya) dan kerongkongnya (jalan makanannya), tidak pula menyebut nama selain Allah, maka halal dagingnya dimakan oleh orang-orang Islam.

Dalam hubungan ini Allah telah berfirman (sebahagian ayat 3 *Sūrah Al-Mā'idah*):

“*Hurrimat ‘alaykumu al-maytatu wa al-damu wa laḥmu al-khinzīri wa mā uhillā lighayri Allāhi bihi wa al-munkhaniqatu wa al-mawqūdhatu wa al-mutaraddiyatu wa al-naṭīhatu wa mā akala al-sabu‘u illā mā dhakkaytum wa mā dhubiḥa ‘ala al-nuṣubi wa an tastaqsimū bi al-azlāmi dhālikum fisqu....*”

Yang ertinya: “Kamu dilarang (diharamkan memakan bangkai, darah, daging babi, binatang yang disembelih bukan atas nama Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati kerana jatuh, yang mati kerana berlaga, dan yang telah dimakan oleh binatang buas, kecuali binatang yang telah kamu sembelih, (juga diharamkan) yang disembelih atas nama berhala dan mengundi nasib dengan anak panah, semuanya itu adalah kejahatan”

* * *

Fidyah Sembahyang Puasa, Zikir 70.000 kali

Hadiah Kepada Si Mati

Soalan Kedua:

1. Yusuf Bin Haji Abdullah,
386 Kedai Lama, Yala Thailand bertanya:

- (1) Bolehkah kita fidyah sembahyang, puasa dan zikir tujuh puluh ribu kali hadiah kepada si mati?
- (2) Apakah hukum kita bertaklid kepada guru-guru, ulama-ulama dan kepada mazhab yang empat?

Jawapannya:

- (1) Dalam kitab-kitab fekah al- Shāfi‘ī, para ulama sependapat tentang “membolehkan fidyah puasa” atas orang yang mati menanggung puasa, kerana ada nas yang menjadi sandaran mereka tempat mengambil hukum.

Di antaranya hadith Nabi (S.A.W) riwayat Bukhāri dan Muslim berbunyi: “*Man māta wa ‘alayhi ṣiyāmu ṣāma ‘anhu wa liyahu*” ertinya:

“Barangsiapa mati menanggung puasa, dipuaskan
untuknya oleh walinya (keluarganya).”

Dan hadith Nabi (S.A.W) yang lain riwayat Bukhāri
dan Muslim berbunyi: “*Ṣawmī ‘an ummika*” ertinya:
“Puaskan olehmu untuk ibumu!” Ini ialah
suruhan Nabi (S.A.W) kepada seorang perempuan yang bertanya
kepada Baginda adakah boleh dia mengerjakan puasa untuk
ibunya yang telah mati menanggung puasa nazar.

Ada pun tentang “fidyah sembahyang” pula mereka
tidak sekata. Kebanyakan tidak membolehkan, dan ada yang
membolehkan tetapi dengan tidak ada nas yang tepat.
Disebabkan Imam al-Subkī ada mengerjakan sembahyang untuk
salah seorang keluarganya yang mati menanggung sembahyang, dan
kerana ada riwayat daripada hadith yang dikatakan dhaif, maka
dengan berdalilkan inilah sahaja mereka berpendapat membolehkan
“fidyah sembahyang” bahkan setengahnya mengatakan: Wajib di atas
wali mayat jika ada ia meninggalkan *tirkah* (harta)
mengerjakan sembahyangnya daripadanya – seperti puasa.
Imam al-Subkī sendiri pun ada menyatakan mengapa beliau
telah melakukan fidyah sembahyang? Beliau mengatakan: “Salah
seorang kerabat saya meninggal dunia menanggung sembahyang
sebanyak lima waktu, maka saya kerjakan untuknya dengan
jalan berkias seperti puasa.”

Nyatalah alasan membolehkan fidyah sembahyang itu
tidak ada terdapat dalam Qur’an and hadith sahih,
yang boleh dijadikan hujah. Bahkan fidyah sembahyang itu tidak
boleh dilakukan mengikut *qawl* yang muktamad dalam mazhab
al- Shāfi‘ī, kerana tidak *wāridu* (tidak berlaku) dari
Nabi (S.A.W) dan dari sahabat-sahabat.

Malahan kami berpendapat; Dengan adanya “fidyah
sembahyang” itu akan menggalakkan orang ramai mencuaikan
kewajipan sembahyang yang menjadi tiang agama itu.

Bukankah orang yang mendirikan sembahyang bererti
mendirikan agama, dan orang yang meninggalkannya bererti telah
meruntuhkan agamanya? Bukankah si kaya kelak akan
menjadi liar daripada menunaikan sembahyang kerana dia
berpendapat harta peninggalannya kelak boleh digunakan untuk
penebus semua sembahyang yang telah ditinggalkannya disebabkan
adanya fatwa “membolehkan fidyah sembahyang” yang berlawanan
dengan tujuan mengukuhkan pendirian agama Islam itu?

Ada pun berkenaan dengan zikir menyebut “*Lā ilaha illa Allāh*
tujuh puluh ribu kali” itu berpahala, kerana kalimah itulah
seafdal-afdal zikir. Tetapi alasan yang mengatakan: Siapa
berkata *Lā ilaha illa Allāh* tujuh puluh ribu kali adalah
menjadi penebus api neraka kepada orang yang mati,
diragukan dan tidak boleh dijadikan hujah untuk
diterima selagi tidak bersandarkan nas yang sahih.
Mungkin ada alasannya, tetapi dari hadith-hadith yang tidak
sahih, yang demikian itu ada hukum-hukumnya.

Sebahagian ulama hadith berpendapat: Bahawa
hadith daif jika tidak seberapa daifnya, boleh
dipakai untuk menetapkan atau menerangkan tentang “*Faḍāil*
al-A ‘māl” sahaja. Sebenarnya tak ada yang menjadi hujah bagi
seseorang, melainkan hadith yang sahih dan yang
hasan.”

Kesimpulannya: Berzikir itu berpahala tetapi
menetapkan “Sesuatu zikir yang dapat menebus seseorang
dari api neraka” jika tidak berdasarkan nas dari
hadith yang sahih atau hasan, tiadalah boleh diterima
menjadi hujah.

(2) Masalah “taklid dan mazhab” ini telah
menjadi perbincangan yang hangat dikalangan para ulama
semenjak dari zaman dahulu lagi hingga telah berlarut-larut
– setengahnya membolehkan dan yang lain menentang. Tiadalah

kami bermaksud menghuraikannya di sini, melainkan dengan yang sesingkat-singkatnya sahaja.

Allah berfirman (ayat 43 *Sūrah Al-Nahl* dan ayat 7 *Sūrah Al-Anbiyā'*) “*Fas'alū ahla al-dhikri in kuntum la ta'lamūna* ertinya: “Bertanyalah kamu kepada ahli zikir (orang yang tahu) sekiranya kamu tiada tahu.”

Memadalah ayat ini dijadikan dalil yang membolehkan bertaklid bagi orang awam – bukan ahli mujtahid. Jika orang awam telah mencapai pangkat mujtahid, tiadalah perlu lagi bertaklid.

Ada pun yang dikatakan “bertaklid” itu ialah; mengambil perkataan orang lain dengan ketiadaan mengetahui dalilnya, sedang dianya belum dapat mencapai pangkat mujtahid.

Kalau umpamanya orang awam dilarang bertaklid bahkan diwajibkan ijtihad, bermakna telah memberati mereka dengan perkara-perkara yang tiada berdaya memikulnya, sedang Allah ada berfirman “*Lā yukallifu Allahu nafsan illā wus'ahā*” ertinya: “Tiada memberati Allah Ta'ālā akan seseorang melainkan sekuasanya.” Dan firman-Nya lagi “*wa mā ja'ala 'alaykum fi al-dīn min ḥarajī*” ertinya “Dan tiada menjadikan Allah atas kamu kepayahan di dalam agama Islam.”

Ada pun bertaklid yang dilarang ialah, pada perkara “Usuluddin”. Jumhur ulama telah sepakat atas wajibnya mengenal Allah Taala, dan bahawasanya mengenal Allah itu tiada hasil dengan bertaklid. *Wa Allāhu a'alam, Wa Lillāhi al-ḥamdu.*

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita

yang indah dan menarik, buah qalam

Jurji Zaidan, Pengarang Mesir

yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan

tentera islam yang dipimpin oleh

pahlawan Islam yang masyhur –

Tariq Bin Ziyad, mengempur tentera

Sepanyol dan menghancurkan leburkan

pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan

dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan

berkekalan menyinari Benua Afrika sepanjang masa delapan

kurun

(Naskhah Rumi: Sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam

356/8 Geylang Road Singapore 14



Sudah Siap:

PERSURATAN MELAYU III

\$ 7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam: